

Raih kaedah pengajaran baru luar negara dek sokongan padu majikan

►IRMA KAMARUDIN

irmak@sph.com.sg

BUKAN hanya latihan dalam negara sahaja yang disertai Cik Rozita Osman, malah yang di luar negara juga untuk mempertingkat dan memperdalam pengetahuan dan kemahirannya dalam sektor prasekolah.

Cik Rozita telah dihantar sejauh Melbourne, Australia dan juga Bali, Indonesia untuk belajar cara mewujudkan persekitaran pembelajaran dan pendidikan yang lebih baik dan juga meraih ilmu mengenai kaedah pengajaran baru.

“Di Bali, kami pergi ke sebuah sekolah hijau, di mana persekitarannya dalam alam semula jadi dan kami belajar untuk lebih memahami tentang kemampunan. Ia membuka minda kami sebagai pendidik.

“Misalnya, di sana kami belajar bagaimana mereka kitar semula sisa atau barang, seperti makanan, untuk dijadikan bahan semula jadi, dan mereka juga gunakan botol plastik untuk membuat bot kecil.

“Pengalaman di sana memberi perspektif kepada guru tentang bagaimana pendidikan awal kanak-kanak dilakukan dalam cara yang berbeza di negara lain,” kata beliau.

Oleh sebab itu, Cik Rozita, seorang guru kanan di prasekolah Little Skool-House (On-The-Green) di Orchid Country Club, amat mengharungi peluang yang diberikan oleh prasekolohnya itu yang mengutamakan pembangunan dan kebijakan para kakitangannya.

Selain menyediakan peluang peningkatan diri, majikannya di Little

Skool-House (On-The-Green) juga melaksanakan inisiatif sumber manusia (HR) yang baik dan menyediakan persekitaran kerja di mana kakitangan saling menyokong satu sama lain.

Baru-baru ini, NTUC First Campus – yang mengendalikan rangkaian prasekolah Little Skool-House – menjadi pengendali prasekolah pertama di Singapura untuk menerima anugerah ‘Syarikat Terbaik untuk Bekerja di Asia’ untuk tiga tahun berturut-turut, dan juga telah mendapat Anugerah WeCare: Syarikat Paling Prihatin Asia HR.

Berkongsi lanjut mengenai pengalaman bekerja di Little Skool-House (On-The-Green), Cik Rozita berkata majikannya mengambil berat tentang kebijakan dan manfaat untuk kakitangan.



UTAMAKAN PEMBANGUNAN KAKITANGAN: Cik Rozita Osman (tengah) dihantar ke Australia dan juga Indonesia oleh majikannya, Little Skool-House (On-The-Green), untuk mempertingkat dan memperdalam pengetahuan dan kemahirannya dalam sektor prasekolah. — Foto NTUC FIRST CAMPUS

Selain itu, budaya di tempat kerjanya memastikan setiap kakitangan mendapat sokongan menyeluruh yang diperlukan.

“Saya telah mendapat sokongan dari segi kesejahteraan saya. Kami ada pelbagai latihan dalam talian yang menjaga kesejahteraan kami. Ini seperti kursus pilates, yoga, cara menjaga suara kami,” kata beliau.

“Setiap orang di sini memberikan usaha terbaik mereka dan tidak lari daripada bekerjasama untuk menuhi tanggungjawab kami. Majikan saya juga telah memberi saya au-

tonomi dan sokongan untuk berinovasi dan memberi inspirasi kepada yang lain dengan idea baru, dan rakan sekerja saya juga terbuka belajar perkara baru,” tambah beliau.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) NTUC First Campus, Cik Chan Su Yee, berkata anugerah ‘Syarikat Terbaik untuk Bekerja di Asia’ yang diterima untuk tiga tahun berturut-turut itu adalah bukti komitmen mereka kepada pendekatan “kakitangan dahulu”.

“Kumpulan kepimpinan dan saya

amat mementingkan pendekatan bersama lebih 5,000 kakitangan kami. Ini dilakukan melalui pelbagai cara, kedua-dua dalam talian dan secara fizikal, seperti lawatan ke pusat, mesyuarat dengan kakitangan dan interaksi kumpulan kecil.

“Ini memastikan semua anggota kumpulan kami sejarah dengan visi dan matlamat pertubuhan kami. Lebih penting, ia juga peluang untuk mendengar dan mendapatkan maklum balas tentang bagaimana kami semua boleh maju ke depan secara lebih berkesan sebagai satu kumpulan First Campus,” kata beliau.